

## *Ma'rifatullah* Menurut Shaykh Hamzah Fansuri

Hamzah Fansuri on Knowing Allah

YUSRI MOHAMAD RAMLI, MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH & ROHAIMI RASTAM

### ABSTRAK

*Awal agama adalah mengenal Allah. Menenal Allah menjadi paksi dalam pendidikan akidah umat Islam sehingga ia sering dipesan oleh para ulama dalam karya-karya mereka termasuk Hamzah Fansuri. Artikel ini meneliti pandangan Hamzah Fansuri mengenai Ma'rifatullah daripada sudut kewajibannya dan juga asas-asasnya sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab keempat dalam karyanya, *Sharab al-'Ashiqin*. Berdasarkan analisis kandungan, tulisan ini mendapati bahawa Hamzah Fansuri menyampaikan pesannya mengenai kewajiban tersebut berasaskan ayat al-Quran dan petikan hadith dan melihat bahawa kewajiban Ma'rifatullah adalah berdasarkan kemampuan manusia masing-masing. Manakala asas terpenting dalam menenal Allah ialah dengan menenal siapakah Tuhan dan hubungannya dengan manusia. Hubungan tersebut dapat difahami dengan Sifat-sifat Allah yang utama termasuk Qadim, Khaliq, Baqi, Wujud dan sebagainya.*

*Kata kunci: Hamzah Fansuri; Ma'rifatullah; Tasawwuf; Islam di alam Melayu*

### ABSTRACT

*Knowing Allah is the first and foremost action in religion. Knowing Allah is the centre in education of Islamic creed, therefore became widely reminded by Muslim scholars including Hamzah Fansuri. This article analyzes Hamzah Fansuri's view on Knowing Allah whith special attention to its obligation and principles as written in the chapter four of his *Sharab al-'Ashiqin*. Based on content analysis, this work finds that Hamzah Fansuri uses verses from the Quran and fragments from the Hadith as his basis of understanding. He realizes that all mankind are varied in their capabilities on knowing Allah. He also stresses the main principles in knowing Allah is to understand who is God and what it's relation to mankind. Such relations could be understodd by knowing God's attributes such as Eternity, Creator, Everlasting, Existence and many others.*

*Keywords: Hamzah Fansuri; Ma'rifatullah; Sufism, Islam in the Malay world*

### PENGENALAN

*Ma'rifatullah* merupakan teras utama dalam akidah Islam. Ia dianggap sebagai alpha dan omega dalam perjalanan seorang Muslim khususnya dalam konteks menuntut ilmu. Ini kerana tiada ilmu yang lebih tinggi daripada ilmu Menenal Allah Ta'ala. Lantaran itu, *Ma'rifatullah* menjadi suatu peringatan penting yang disampaikan oleh para ulama kepada umat Islam sama ada secara lisan atau tulisan termasuklah para ulama di Alam Melayu. Salah seorang tokoh di rantau ini termasuklah Shaykh al-'Arif Billah Hamzah Fansuri Shahr Nawī (r.a.), tokoh ulama rohani Alam Melayu yang terkenal.

Tulisan ini mencermati penjelasan Hamzah Fansuri mengenai *Ma'rifatullah*, yakni Menenal Allah (s.w.t.) sebagaimana yang termaktub dalam karya prosa beliau iaitu *Sharab al-'Ashiqin* yang

merupakan kitab yang dinyatakan sebagai ditulis khusus untuk orang awam dan berupa asas-asas ajaran Islam yang perlu difahami dan diamalkan oleh setiap Muslim. *Ma'rifatullah* merupakan asas dan kewajiban setiap Muslim. Oleh itu, kitab *Sharab al-'Ashiqin* yang bersifat penjelasan ringkas dan menyasarkan semua golongan masyarakat dijadikan sandaran utama tulisan ini berbanding dua karya prosa yang lain yang dianggap Hamzah Fansuri sebagai tahap yang lebih tinggi iaitu *Asrar al-'Arifin* dan *Muntahi*. Tambahan pula singgungan terhadap topik ini lebih banyak diutarakan oleh Hamzah Fansuri dalam *Sharab al-'Ashiqin* berbanding selainnya.

Penelitian ini akan melihat teks tersebut dan melakukan analisis kandungan dengan memilih isi kandungan yang mempunyai karakter yang jelas terarah kepada topik yang dikaji. Penjelasan

mengenai *Ma'rifatullah* yang termaktub dalam teks tersebut akan ditafsir dan ditahqiq dengan menjelaskan apa-apa yang samar mengenainya serta menyebutkan rujukan bagi ayat-ayat al-Quran dan mentakhrij hadith-hadith yang digunakannya. Penjelasan terhadap pemikiran Hamzah Fansuri mengenai *Ma'rifatullah* akan dihurai daripada dua aspek, iaitu kewajipan mengenal Allah dan asas dalam mengenal Allah serta didahului dengan pengenalan mengenai asas pemikiran akidah beliau.

Dalam meninjau kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana terhadap Hamzah Fansuri, dapat diketahui bahawa perhatian secara khusus mula diberikan terhadap tokoh ini dalam kajian peringkat kedoktoran yang dilakukan oleh Johan Doorenbos (1933). Beliau memperkenalkan dan mentahqiq beberapa rupa-rupa syairnya di samping karya *Asrar al-'Arifin* dan *Sharab al-'Ashiqin*. Usaha beliau ini termasuklah melakukan transliterasi daripada skrip Jawi kepada skrip Rumi di samping memberikan penjelasan umum (annotasi) terhadap karya-karya tersebut. Perhatian selanjutnya turut diberikan oleh para sarjana termasuk al-Attas (1970), G.W.J. Drewes dan Lode F. Brakel (1986), Vladimir Braginsky (1994), A. Hasjmy (1976), Ahmad Daudi (1978), Muhammad Bukhari Lubis (1994), dan ramai lagi. Namun apa yang dapat dirumuskan, belum ada singgungan secara khusus terhadap isu *Ma'rifatullah* daripada sudut kandungan yang disampaikan oleh Hamzah Fansuri. Oleh yang demikian, penelitian yang dilakukan ini akan dapat memberikan suatu pencerahan mengenai pesanan dan pengajaran tokoh Alam Melayu khususnya Hamzah Fansuri mengenai topik *Ma'rifatullah*.

#### PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH HAMZAH FANSURI

Shaykh Hamzah Fansuri (R.A.) menuruti kefahaman tokoh-tokoh *ahliLah* terdahulu mengenai akidah sebagaimana al-Hallaj, al-Ghazali, Ibn 'Arabi, al-Jili, Jami dan lain-lain sebagaimana yang turut diakui al-Attas (1970: 14). Kefahaman tarekat (perjalanan) rohani dalam akidah tidak bercanggah dengan kefahaman aliran Asha'irah dan Maturidiyah, melainkan bahawasanya pemikiran rohani tidak hanya melihat kepada aspek zahir dan syariat semata-mata, bahkan melihat lebih daripada itu kepada aspek tajalli dan hakikat. Bahkan aliran tarekat (perjalanan) rohani sendiri

diakui sebahagian daripada *ahl al-Sunnah* oleh ulama Asha'irah dan Maturidiyah seperti penjelasan 'Abd al-Qahir al-Baghdadi dalam *al-Farq bayn al-Firqah* yang turut dinaqal oleh Muhammad 'Uthman el-Muhammady (1996: 27). Al-Baghdadi (t.th.: 273-274) memasukkan golongan *ahliLah* atau *sufiyyah* sebagai sebilangan daripada kelompok *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Golongan ini disifatkan beliau sebagai mempunyai pandangan yang tajam, mengawal diri daripada perkara yang tidak sepatutnya, melatih diri dan mendapat pengalaman dalam bidang rohaniah serta mengambil iktibar sebaiknya dan redha dengan apa yang ditakdir oleh Allah (s.w.t.). Mereka juga rasa memadai dengan rezeki yang sedikit yang telah dikurniakan dan mengetahui bahawa pendengaran, pandangan dan hati itu semuanya akan ditanya tentang kebaikan dan kejahatan yang dilakukan. Mereka menghisab diri atas amalan yang dilakukan walaupun sebesar zarah serta mempersiapkan diri mereka dengan sebaiknya bagi menghadapi Hari Akhirat. Golongan ini menghuraikan ilmu mereka dengan cara ibarat dan isyarat mengikut perjalanan ahli-ahli ilmu Hadith, bukan mengikut cara golongan yang mengeluarkan kata-kata kosong. Mereka tidak melakukan kebaikan kerana riya' dan tidak pula meninggalkan kebaikan kerana malu kepada sesiapa. Agama golongan *ahliLah* ini adalah agama tawhid yang menolak *tashbih* (penyerupaan dengan makhluk) dan mazhab mereka ini ialah menyerah diri (*tafwid*) kepada Allah, bertawakkal kepada-Nya serta tunduk (*taslim*) kepada perintah-Nya. Mereka rasa memadai dengan apa yang direzekikan oleh-Nya dan berpaling daripada menentang apa yang ditentukan-Nya. Mereka inilah sebagaimana yang digambar oleh Allah di dalam al-Quran (Surah al-Hadid 57:21 dan Surah al-Jumu'ah 62:4):

Maksudnya: Itulah kurnia Allah diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar.

Malah walaupun mempunyai pandangan yang tersendiri, pada dasarnya hampir kesemua tokoh *ahliLah* dalam masa yang sama juga mengikuti kedua-dua aliran Asha'irah dan Maturidiyah tersebut dalam pegangan akidah mereka.

#### KEWAJIPAN MENGENAL ALLAH

Dalam membicarakan mengenai kewajipan mengenal Allah, Shaykh Hamzah Fansuri (r.a.) (Leiden, MSS 2016) menyebut di dalam muqaddimah kitab

*Sharab al-'Ashiqin* yang dikarang khusus untuk menerangkan mengenai *ma'rifatullah* dalam bahasa Melayu, bahawa *ma'rifatullah* adalah suatu perkara yang memusykilkan lagi merumitkan. Justeru jika tiada guru yang sempurna dan murid yang bijaksana, maka hal ini tidak dibicarakan. Ini kerana *ma'rifatullah* adalah rahsia Nabi (s.a.w.) yang khusus baginya sebagaimana yang disebut dalam satu kata-kata yang disebut sebagai hadith Nabi (s.a.w.). Hadith berkenaan dinyatakan beliau dalam bab keempat kitab ini iaitu yang berbunyi:

Maksudnya: Ma'rifat itu adalah rahsiaku.

Namun, setakat yang dapat diteliti dalam keterbatasan tulisan ini, hadith ini belum diketemukan dalam mana-mana kitab hadith yang utama. Begitu juga sebahagian hadith lain yang disebut kemudian yang tidak dapat dijumpai sumbernya. Hadith-hadith tersebut adalah sangat mahsyur dan disebut dalam banyak kitab Tasawwuf. Peranan hadith-hadith di sini hanyalah sebagai *fadail al-'amal* yang menggalakkan amalan supaya menuntut ilmu dan mengenal Allah. Justeru walaupun wujud ketidakjelasan asal usul lafaznya sama ada ia hadith atau kata-kata seseorang yang wajar dilakukan kajian, namun maknanya disepakati oleh seluruh ulama sebagai sahih. Oleh itu, mengenal Allah tetap menjadi suatu tuntutan tanpa wujudnya hadith-hadith ini. Bahkan sandaran hujah mengenai taklif kewajibannya boleh ditemukan dalam banyak ayat al-Quran dan Hadith yang lain.

Hamzah Fansuri juga menyebut suatu yang didakwanya sebagai hadith Nabi (s.a.w.) bagi menjelaskan kepentingan ma'rifah dalam beribadat:

Maksudnya: Tiada sah solat melainkan dengan ma'rifah.

Walau bagaimanapun, manusia dituntut sekadar termampu oleh mereka untuk memahaminya kerana menuntut ilmu adalah suatu kewajipan. Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) dalam berhujah mengenai hal ini berdalilkan beberapa ayat al-Quran dan al-Hadith mengenai kewajipan menuntut ilmu. Ini termasuklah firman Allah (s.w.t.) (Surah al-Dharyat 51:56):

Maksudnya: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahku.

Juga firman-Nya dalam satu hadith qudsi:

Aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka Aku suka untuk dikenali, maka Aku jadikan makhluk supaya Aku dikenali.

Juga hadith-hadith Nabi (s.a.w.):

Maksudnya: Barangsiapa menuntut sesuatu dengan bersungguh-sungguh, maka ia akan mencapainya.

Maksudnya: Menuntut ilmu adalah fardu atas setiap Muslim lelaki dan perempuan.

Dua hadith pertama di atas juga tidak ditemukan dalam kitab-kitab hadith utama. Namun, hadith yang ketiga diriwayat oleh Anas bin Malik, 'Abd Allah bin Mas'ud, Sa'd bin Malik, Husayn bin 'Ali dan 'Abd Allah bin 'Abbas ini dikeluarkan oleh Ibn Majah (*Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Muqaddimah, Bab Fadl al-'Ulama wa Haththu 'ala Talab al-'Ilm: No. 224), al-Bayhaqi (*Shu'ab al-Iman*, Bab fi Talab al-'Ilm, No. 1663), al-Bazzar (*Musnad al-Bazzar*, Jil. 12, Musnad Anas bin Malik, Kathir bin Shinzir 'an Muhamamd: No. 6746), Abu Ya'la (*Musnad Abi Ya'la*, Musnad Ibn 'Abbas: No. 2837), al-Tabarani (*Al-Mu'jam al-Saghir*, Jil. 1, Bab al-Alif, Man Ismuhu Ahmad: No. 22, 61; *al-Mu'jam al-Awsat*, Bab al-Alif, Man Ismuhu Ahmad: No. 9, 2008, 2030, Man Ismuhu Ibrahim: No. 2462, Man Ismuhu 'Ali: No. 4096, Man Ismuhu Muhamamd: No. 5908, Man Ismuhu Musa: No. 8381, Man Ismuhu Mu'adh: No. 8567, Man Ismuhu Miqdam: No. 8833; t.th., Bab al-Ta: No. 10439), al-Suyuti (*al-Jami' al-Saghir*, Harf al-Ta, No. 5264, 5265, 5266, 5267 dan lain-lain dengan tanpa lafaz 'مسلمة' yang maksud bahawa perkataan 'مسلمة' merangkumi lelaki dan perempuan. Menurut al-Bayhaqi (2000) ia adalah hadith yang *shibh mashhur* dan sanadnya bertaraf *da'if*. Walaupun *da'if*, al-Suyuti (1988) melihatnya sebagai *sahih li ghayrihi*. Al-Munawi (1972: 267) dalam membahaskan hadith ini juga menyebutkan bahawa al-Haytami melihat 'Abd al-'Aziz bin Abi Thabit sebagai *da'if jiddan*, sementara al-Bukhari melihat 'Uthman bin 'Abd al-Rahman bin 'Uthman al-Qurashi sebagai *majhul* (tidak dikenali), manakala al-Nawawi pula melihat hadith ini sebagai *da'if* walaupun maknanya adalah *sahih*.

Hamzah Fansuri juga menyebut hadith berikut:

Maksudnya: Tuntutlah ilmu walaupun di negeri China.

Hadith riwayat Anas bin Malik ini dikeluarkan oleh al-Bayhaqi (*Shu'ab al-Iman*, Bab fi Talab al-'Ilm, No. 1663), al-Bazzar (*Musnad al-Bazzar*, Jil. 1, Musnad Abi Bakr al-Siddiq: No. 95) dan lain-lain dengan lafaz tanpa perkataan "كان" dan sebahagian riwayat dituruti dengan hadith "طلب العلم". Al-Bazzar (1988) melihat hadith ini tidak mempunyai asalnya kerana perawi Abu al-'Atikah menurutnya adalah seorang yang tidak dikenali. Sementara al-Bayhaqi (2000) pula berpendapat bahawa matan hadith ini *shibh mashhur* sementara sanadnya bertaraf *da'if*.

Oleh itu, Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) menyebutkan bahawa mengenal Allah adalah

fardhu dan menyembah-Nya pun fardhu sekadar kuasa (kemampuan) manusia. Shaykh Hamzah Fansuri juga mengingatkan bahawa berma'rifat dan beribadat adalah tujuan utama manusia dan jangan leka dengan mencari kebesaran dunia dan mengumpul harta. Ini kerana, yang paling mulia di sisi Tuhan adalah yang mengenal-Nya dan yang beribadat kepada-Nya. Jika manusia tidak mengenal-Nya dan tidak melakukan ibadat terhadap-Nya, maka telah wujud kekurangan yang besar baginya sebagaimana yang disebut oleh Allah di dalam al-Quran (Surah al-A'raf 7:179):

Maksudnya: Mereka mempunyai hati, (tetapi) tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.

Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 7291) turut mengulang lagi kewajipan mengenal Allah ini dalam muqaddimah *Asrar al-'Arifin* dengan katanya bahawa manusia yang telah dijadikan oleh Allah, yang diberi nama, rupa, telinga, hati, nyawa dan budi perlu mencari Tuhan dengan mengenal-Nya. Beliau juga mengingatkan bahawa perlunya mencari guru bagi mencapai tujuan tersebut. Namun, jika belum menjumpai mana-mana guru atau masih dalam peringkat permulaan mengenal Allah, bolehlah membaca daripada mana-mana buku mengenainya sepertimana karya Shaykh Hamzah Fansuri ini. Shaykh Hamzah Fansuri juga memperingatkan bahawa mana-mana buku mahupun guru juga mempunyai kelemahan. Oleh itu, mana-mana kekurangan hendaklah dilengkapi dan mana-mana kesalahan diperbetulkan serta bukannya dihina dan diaibkan. Ini sekaligus dapat membawa kepada pemahaman yang jelas bahawa Allah Maha Sempurna dan tiada kekurangan.

#### ASAS MENGENAL ALLAH

Dalam bab keempat kitab *Sharab al-'Ashiqin*, Shaykh Hamzah Fansuri (r.a.) (Leiden, MSS 2016) menjelaskan mengenai dasar dan hakikat *ma'rifatullah*. Hal pertama yang perlu diketahui oleh manusia dalam mengenal Tuhannya adalah mengakui bahawa Allah adalah Esa. Shaykh Hamzah Fansuri menyebutkan bahawa telah menjadi kesepakatan para Anbiya dan Awliya serta Hukama dan ahl al-Kalam bahawa Allah itu Esa

dan tiada dua. Ia *Qadim* dan bukan *muhdath*, juga Khaliq dan bukan makhluk, tiada berupa dan tiada berwarna, Kekal (Baqa') dan tidak fana', tiada bercerai dan tiada bertemu, tiada terputus dan tiada bersambung, tiada *mithal*, tiada sebangsa, tiada sekutu dan tiada sebagai-Nya. Juga tiada bertempat dan tiada masa dan tiada akhir. Maha Suci Tuhan daripada perkara-perkara tersebut.

Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) juga menyebutkan penekanan para *ahliLlah* mengenai hal ini dengan kenyataannya bahawa para *ahl al-Suluk* dan *ahl al-Kalam* dan ulama bersepakat tetapi *ahl al-Suluk* terlebih (*tajalli/transcend*) dalam mengatakan bahawa Tuhan juga tiada berhingga dan berkesudahan yakni tiada atas akan Dia dan tiada bawah akan Dia, tiada kanan akan Dia dan tiada kiri akan Dia, tiada hadapan akan Dia, dan tiada belakang akan Dia atau dalam erti kata lain wujud yang tiada berarah (*jihah*). Shaykh Hamzah Fansuri mengumpamakan hakikat ini dengan laut yang maha luas dan juga sebiji buah yang tetap sebiji buah walau sekecil manapun. Oleh itu, Allah (s.w.t.) *Muhit* yakni meliputi semesta sekalian alam sebagaimana firman-Nya (Fussilat 41:54):

Maksudnya: Sesungguhnya Dia (Allah) meliputi seluruh perkara.

Justeru, Ilmu-Nya kata Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) juga meliputi dan Zat-Nya meliputi. Tuhan tidak bercerai dengan Zat dan IlmuNya, berbeza dengan manusia yang sebaliknya dapat bercerai. Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) juga menjelaskan mengenai maksud kehampiran Allah pada makhluknya. Allah (s.w.t.) hampir pada manusia dengan Zat dan Ilmu-Nya. Hal ini kata Shaykh Hamzah Fansuri adalah perkara yang agak rumit untuk orang awam memahaminya. Namun, Shaykh Hamzah Fansuri menerangkan bahawa makna hampir ada empat perkara, iaitu hampir kepada zaman (masa), hampir kepada makan (tempat), hampir kepada sifat dan hampir kepada Allah Ta'ala. Hampir kepada Allah adalah perkara yang terlalu musykil dan rumit untuk difahami. Sedangkan hampir daripada sudut zaman mudah difahami sebagaimana diumpama hampirnya umat Islam pada hari ini dengan zaman hayat Nabi Muhammad (s.a.w.) berbanding zaman hayat Nabi Isa (a.s.). Begitu juga dengan tempat sebagaimana hampirnya bulan dengan bumi berbanding Musytari. Begitu juga sifat sebagaimana disifatkan orang bahawa Abu Yazid al-Bistami hampir sifatnya dengan Rasul (s.a.w.). Namun hampirnya Allah pada

manusia tidak sedemikian. Allah (s.w.t.) berfirman (al-Quran, Surah al-Hadid 57:4):

Maksudnya: Dan Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada

Juga dalam Surah Qaf (50:16):

Maksudnya: Dan Kami lebih dekat dengannya dari urat tengkoknya.

Begitu juga ayat dari Surah al-Dhariyat (51:21):

Maksudnya: Dan pada diri kamu tidakkah kamu perhatikan

Tiada penjelasan daripada penakulan yang dapat menjelaskan hakikat hampir tersebut. Apa yang dapat dirumuskan adalah bahawa Allah hampir, meliputi dan melengkapinya dengan semua makhluknya baik Anbiya, Awliya, Salihin mahupun Mushrikin, Kafirin dan 'Asiyyin (pembuat maksiat). Manusia hanya dapat merasai kehampiran tersebut dengan ma'rifat dan ibadat. Oleh itu, adalah menjadi kefardhuan kepada manusia untuk menghampirkan diri kepada Allah bagi merasai kehampiran Allah kepada kita. Namun, kata Hamzah (Leiden, MSS 2016), para ahli M'arifah termasuk para Nabi terlebih utama dalam tanggungjawab tersebut kerana mereka lebih hampir kepada Allah berbanding manusia selainnya yang jauh daripada Allah.

Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) melanjutkan perbincangan dengan menimbulkan persoalan jika Allah hampir, meliputi dan melengkapinya semua perkara, adakah Ia meliputi perkara-pekerja yang tidak baik termasuk najis? Shaykh Hamzah Fansuri menjelaskan bahawa pengliputan atau pelengkapan Allah adalah kepada semua perkara dan tidak tertinggal sesuatu pun. Ini diibaratkan sebagaimana panas matahari yang meliputi kepada semua meliputi najis, bau busuknya, perkara baik ataupun buruk, Ka'bah mahupun rumah berhala, dan seterusnya. Namun, najis tidak menajiskannya dan bau busuk tidak membusukkannya. Kebaikan tidak membaikkannya dan keburukan tidak memburukkannya. Ka'bah tidak memberi kebajikan kepadanya dan rumah berhala tidak memberi kejahatan kepadanya. Sedangkan kepanasan matahari itu pun sedemikian, apatah lagi Allah (s.w.t.) yang Maha Suci yang tidak menerima manfaat dan mudarat daripada selain-Nya bahkan Dia lah yang memberi manfaat dan mudarat.

Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) turut membangkit persoalan kedua bahawa jika Tuhan meliputi dan melengkapinya segalanya, maka siapakah yang merasai seksa neraka dan siapakah yang merasai nikmat syurga? Shaykh Hamzah

Fansuri menjawab dengan memberi perumpamaan seperti emas dan ashrafi (syiling dinar emas). Jika dibakar syiling emas tersebut, maka syiling tersebut akan lebur dan hangus sedangkan emas yang adalah intipatinya tidak hilang dan kekal tidak lenyap. Emas tersebut seumpama Khaliq yang kekal abadi sedangkan syiling tersebut umpama manusia yang binasa. Hal ini diulang lagi oleh Shaykh Hamzah Fansuri bahawa ia adalah perkara yang terlalu musykil dan rumit untuk difahami oleh kebanyakan orang. Bagi orang awam, memadailah memahami secara umum kepada kata Saidina Ali (k.a.w.):

Maksudnya: Tidak kulihat sesuatu melainkan kulihat Allah di dalamnya.

Juga hadith Nabi (s.a.w.):

Maksudnya: Barangsiapa yang memandang kepada sesuatu dan tidak melihat Allah padanya, maka ia adalah batil (sia-sia).

Shaykh Hamzah Fansuri (Leiden, MSS 2016) menyimpulkan bahawa Allah melengkapinya dan meliputi semua perkara. Namun, *kunh* atau hakikat Zat Allah yang sebenar-benarnya tidak ada sesiapa yang dapat sampai kepada-Nya dan memahaminya. Apa yang mampu difahami oleh manusia hanyalah sekadar ibarat-ibaratnya sahaja yang berbeza-beza mengikut kemampuan manusia yang pelbagai.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, perjalanan dalam mengenal Allah (ma'rifah) yang dibahas dalam bab keempat kitab *Sharab al-'Ashiqin* adalah seiring dengan perjalanan melaksanakan tuntutan-Nya (syariah) sebagaimana disebut dalam bab pertama, perjalanan kerohanian menuju kepada-Nya (tariqah) (bab kedua) serta perjalanan memahami-Nya (haqiqah) (bab ketiga). Kesemua dimensi tersebut dimurni dengan pengetahuan yang jelas mengenai manifestasi atau tajalli-Nya (bab kelima) dan juga mengenal Sifat-sifat-Nya (bab keenam) serta mencapai kemuncak sehingga merindui-Nya (*Ishq*) (bab ketujuh).

Apa yang dapat dirumus daripada penjelasan Shaykh Hamzah Fansuri mengenai *ma'rifatullah* ialah bahawa ia adalah suatu kewajipan, fitrah dan matlamat setiap manusia dilahirkan ke dunia. Manusia dalam kehidupannya sebenarnya adalah suatu perjalanan untuk kembali kepada-Nya. Dalam proses perjalanan kehidupan manusia ini perlu mengenal-Nya dan berusaha mendekati-Nya

untuk mencapai keredhaan-Nya sebelum mereka dikembalikan kepada-Nya. Namun, setiap manusia ada perbezaan daripada sudut kemampuan dan kedudukannya, serta berbeza tahap pemahaman dan penghayatan, sehingga ada yang mampu mengenali-Nya lebih daripada yang lain dan ada yang kurang daripada yang lain. Begitu juga yang terlebih mengenali-Nya dan yang juga mengenali-Nya dalam bertaut dengan semua perkara dalam kehidupan. Oleh itu, sebarang kelemahan manusia adalah suatu fitrah yang harus diakui dalam mengenal Tuhan yang Maha Sempurna. Apa yang penting adalah manusia berusaha untuk mengenal Tuhannya sebelum mereka dipanggil pulang agar mereka mengenal dan mengetahui jalan pulang dan destinasiya agar mereka pulang dengan selamat.

Dalam mengaktifkan perjalanan ini, asas pertama dalam mengenal Allah ialah mengenal siapakah Allah. Ini termasuk dalam memahami apakah yang dimaksud dengan Tuhan dan apakah ciri-ciri asas Tuhan yang adalah sifat yang wajib bagi Tuhan, iaitu Esa yang adalah sifat yang menjadi *alpha* dan *omega* ajaran Islam, yakni tawhid di samping sifat-sifat utama Tuhan yang lain, seperti Qadim, Khaliq, Baqi, Wujud dan sebagainya yang suci daripada segala sifat-sifat makhluk yang baharu. Kesemua sifat-sifat tersebut mempunyai hubungkait yang jelas antara Tuhan dan makhluk sehingga manusia secara fitrah dan kewarasan akalnya dapat memahami asas hakikat tersebut. Bagi menzahirkan lagi hakikat ini, Shaykh Hamzah Fansuri memberi sedikit perincian maksud sifat Tuhan yang meliputi dan hampir dengan manusia.

#### RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Al-Quran dan Terjemahannya. 1418H/1998M. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.
- Abu Ya'la, Ahmad bin 'Ali bin al-Muthanna al-Tamimi al-Muwasil. 1992M/1412H. *Musnad Abi Ya'la al-Muwasil*. Jil. 5. Dimashq: Dar al-Thaqafah al-'Arabiyyah.
- A. Hasjmy. 1976. *Ruba'i Hamzah Fansuri: Karya Sastra Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Daudi. 1978. *Syeikh Nuruddin Ar-Raniry: Sejarah, Karya dan Sanggahan terhadap Wujudiyah di Aceh*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1966. *Raniri and the Wujudiyah of 17th Century Aceh*. Singapore: Malaysian Branch, Royal Asiatic Society.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. t.th. *Al-Farq bayn al-Firqah wa Bayan al-Firqah al-Najiyah minhum*. Sunt. Muhammad 'Uthman al-Khusht. Kaerah: Maktabah Ibn Sina.
- al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali. 2000M/1421H. *Shu'ab al-Iman*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bazzar, Abu Bakr Ahmad bin 'Amru bin 'Abd al-Khaliq al-'Itki. 1988M/1409H. *Al-Bahr al-Zhakhkhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar*. Jil. 1. Beirut: Mu'assasah 'Ulum al-Quran.
- al-Bazzar, Abu Bakr Ahmad bin 'Amru bin 'Abd al-Khaliq al-'Itki. 2004M/1425H. *Al-Bahr al-Zhakhkhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar*. Jil. 12. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Braginsky, Vladimir I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Doorenbos, Johan. 1933. *De Geschriften van Hamzah Pansoeri Uitgegeven en Toegelicht*. Dissertasi Ph.D., Universiti Leiden.
- Drewes, G.W.J. & Brakel, Lode F. 1986. *The Poems of Hamzah Fansuri*. Dordrecht, The Netherlands: Foris Publications Holland.
- Hamzah Fansuri. t.th. *Sharab al-'Ashiqin*. MSS 2016, Perpustakaan Universiti Leiden.
- \_\_\_\_\_. t.th. *Syair Hamzah Fansuri*. MSS 2016, Perpustakaan Universiti Leiden.
- \_\_\_\_\_. t.th. *Asrar al-'Arifin*. MSS 7291 (I), Perpustakaan Universiti Leiden.
- \_\_\_\_\_. t.th. *Sharab al-'Ashiqin*. MSS 7291 (II), Perpustakaan Universiti Leiden.
- \_\_\_\_\_. t.th. *Muntahi*. MSS 7291 (III), Perpustakaan Universiti Leiden.
- \_\_\_\_\_. t.th. *Syair Hamzah Fansuri*. MSS 83, Perpustakaan Nasional Jakarta.
- Heer, N. 1979. *The Precious Pearl: al-Jami's al-Durrah al-Fakhirah Together with His Glosses and the Commentary of 'Abd al-Ghafur al-Lari*. Albany: State University of New York Press.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- al-Jili, 'Abd al-Karim. *Insan Kamil*. Surabaya: Pustaka Hikmah Perdana.
- el-Muhammady, Muhammad 'Uthman. 1996. *Sejarah dan Konsep Ahli's-Sunnah Wa'l-Jama'ah*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1994. *The Ocean of Unity: Wahdat al-Qujud in Persian, Turkish and Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Munawi. 1972M/1391H. *Fayd al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran wa al-Mubayyin lima Tadammahu min al-Sunnah wa Ayi al-Quran*. Jil. 19. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. t.th. *Al-Jami' al-Saghir min al-Hadith al-Bashir al-Nadhir*. T.tp.: tpt.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. 1988M/1408H. *Juz' fihl Turuq Hadith Talab al-'Ilm Faridatun 'ala Kulli Muslim*. Amman: Dar 'Amar.
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al-Lakhami. 1983M/1403H. *Al-Mu'jam al-Saghir*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al-Lakhmi. 1995M/1415H. *al-Mu'jam al-Awsat*. Kaherah: Dar al-Haramayn.

al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al-Lakhmi. t.th. *al-Mu'jam al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah.

Yusri Mohamad Ramli  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: yusri\_mr@ukm.edu.my

Mohd Syukri Yeoh Abdullah  
Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
E-mail: syukri@ukm.edu.my

Rohaimi Rastam

Diserahkan: 11 September 2015  
Diterima: 22 Mei 2016

